



SULIT

SURAT KELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BILANGAN 1/2015

HAD NILAI TAWARAN (*THRESHOLD AMOUNT*) LEMBAGA TAWARAN KECIL (LTK)

Dengan penuh hormat dan takzim sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pengemaskinian pengurusan dan pentadbiran hal ehwal tawaran Lembaga Tawaran Kecil (LTK) di Kementerian-Kementerian seperti berikut:

- 1.1 Had nilai tawaran (*threshold amount*) yang dikendalikan di peringkat LTK bagi semua Kementerian diturunkan daripada \$500,000.00 kepada \$250,000.00.
- 1.2 Bagi tujuan meningkatkan disiplin dan akauntabiliti LTK terutama sekali di dalam memastikan bahawa penilaian sokongan tawaran adalah berasaskan kepada *value for money* dan adalah selaras dengan kebenaran peruntukan, setiap pembelian atau perolehan yang dikendalikan samada melalui proses Sebutharga atau Tawaran, hendaklah memenuhi syarat-syarat di dalam *checklist* di **LAMPIRAN 1.1** dan borang sokongan di **LAMPIRAN 1.2** sebagai panduan dan rujukan.
- 1.3 Semua pembelian kenderaan hendaklah dihadapkan untuk pertimbangan Lembaga Tawaran Negara bagi tujuan pengawalan jumlah pembelian kenderaan dari segi keutamaan dan jenis keperluan dengan menyertakan senarai daftar kenderaan yang ada pada masa ini digunakan oleh Kementerian/Jabatan yang memohon.
- 1.4 Pegawai/Kakitangan yang didapati tidak mematuhi peraturan-peraturan di atas boleh dikenakan tindakan tatatertib dan/atau surcaj selaras dengan peraturan yang berjalan dari masa kesemasa.

